

1.0 LATAR BELAKANG

Antara isu yang menjadi perhatian di dalam Mesyuarat Ketua Seksyen Industri Higienn (KaSIH) Jabatan Keselamatan dan Kesihatan (JKKP) bilangan 4/2014 adalah peningkatan pelaporan kes penyakit pekerjaan berkaitan pendedahan kepada bahan kimia berbahaya kepada kesihatan, ergonomik dan hilang pendengaran disebabkan bunyi. Sehubungan dengan itu, ahli mesyuarat telah merangka satu program jangka sederhana yang disasarkan untuk meningkatkan tahap pengurusan kesihatan pekerjaan di tempat kerja terutamanya dalam aspek pengurusan kimia, ergonomik dan bunyi bising. Program ini dinamakan sebagai *Systematic Occupational Health Enhancement Level Programme* (SOHELP).

Selain itu, hasil daripada aktiviti penguatkuasaan oleh Pejabat JKKP Negeri mendapati kebanyakan industri terutamanya di dalam kategori industri kecil sederhana (IKS) mempunyai tahap pengurusan kesihatan pekerjaan yang kurang memuaskan. Terdapat juga maklumbalas yang mengatakan bahawa kehendak perundangan berkaitan kesihatan pekerjaan yang sedia ada kelihatan sukar untuk dipatuhi dan memerlukan kos yang tinggi untuk dilaksanakan. Oleh itu, Jabatan telah merancang satu program sistematik untuk meningkatkan tahap kesihatan pekerjaan di tempat kerja yang mempunyai ciri-ciri berikut:

- i. berimpak tinggi;
- ii. mudah dilaksanakan;
- iii. kos rendah;
- iv. boleh dilaksanakan di hampir semua jenis industri; dan
- v. fokus kepada tempat kerja yang berisiko tinggi.

2.0 OBJEKTIF

- 2.1 Meningkatkan tahap kesihatan pekerjaan di tempat kerja yang terlibat
- 2.3 Meningkatkan pematuhan terhadap perundangan KKP terutamanya yang berkaitan dengan higien industri
- 2.4 Menggalakkan tempat kerja menjalankan program sendiri dan tidak bergantung kepada Jabatan
- 2.5 Menggalakkan program dan aktiviti yang berorientasi tindakan di tempat kerja

3.0 FAEDAH PROGRAM

Program yang akan dijalankan ini akan memberi manfaat dan faedah seperti berikut :

- 3.1 Tahap kesihatan pekerjaan di tempat kerja terutamanya di dalam aspek pengurusan kimia, bunyi bising dan ergonomik akan meningkat
- 3.2 Program SOHELP dapat menyemai budaya kerja selamat di tempat kerja yang terlibat dengan menjalankan program-program pencegahan yang bersifat sendiri.
- 3.3 Tahap pematuhan terhadap perundangan berkaitan kesihatan pekerjaan dijangka akan meningkat selepas program ini berlangsung.
- 3.4 Membantu tempat kerja dan negara mengurangkan kos yang ditanggung akibat daripada kes penyakit pekerjaan di tempat kerja.

4.0 KAEDAH PELAKSANAAN SOHELP

Tempat kerja yang mengambil bahagian di dalam program ini akan menggunakan modul yang telah dibangunkan oleh Jawatankuasa. Modul ini terbahagi kepada 3 elemen, iaitu Kimia, Ergonomik dan Bunyi Bising.

Setiap modul ini mengandungi 5 aras, iaitu Aras 1 (Entry), Aras 2 (Basic), Aras 3 (Intermediate), Aras 4 (Advance) dan Aras 5 (Excellent). Kehendak setiap aras perlu dipatuhi bagi membolehkan tempat kerja tersebut naik ke aras yang seterusnya. Sebagai contoh, untuk elemen Kimia, sekiranya terdapat salah satu modul yang gagal dipatuhi pada Aras 3, maka semakan untuk Aras 4 tidak perlu dilakukan sehinggalah semua kehendak modul pada Aras 3 dipenuhi.

Aras keseluruhan tempat kerja ini diberikan berdasarkan aras yang paling rendah diperolehi daripada ketiga-tiga elemen SOHELP. Sebagai contoh:

ELEMEN	ARAS YANG DIPEROLEHI
Kimia	3
Ergonomik	4
Bunyi Bising	4
KESELURUHAN	3

Jadual 1: Kriteria penentuan aras keseluruhan SOHELP

Orang yang bertanggungjawab (PIC) di tempat kerja yang menyertai program ini boleh dilantik oleh majikan sama ada dikalangan pegawai keselamatan dan kesihatan (SHO) atau penaksir CHRA. Mereka akan dikenali sebagai '**SOHELP Enabler**'. Mereka akan diberi taklimat lengkap dan latihan sebelum menjalankan program ini di tempat kerja masing-masing.


Manakala pegawai JKKP di Pejabat Negeri yang telah dilatih di bawah program ini bertanggungjawab untuk memantau dan menyemak penilaian yang telah dilakukan oleh SOHELP Enabler. Mereka ini dikenali sebagai '**SOHELP Verifier**'.

Kriteria bagi setiap aras adalah seperti berikut:

LEVEL	ERGONOMICS	CHEMICALS	NOISE
5 (EXCELL- ENT)	<ul style="list-style-type: none"> Implement all action to be taken identify in the ergonomic checklist No new case of health problem related to ergonomic Implementation of continuous improvement programmes on ergonomic 	<ul style="list-style-type: none"> Implement all action to be taken in the CHRA/SIRAC report No new case of occupational disease related to chemical Implementation of continuous improvement programmes on chemical management 	<ul style="list-style-type: none"> Implement all action to be taken in the Noise assessment report Annual audiometric test Hearing conservation campaign Implementation of continuous improvement programmes on hearing conservation
4 (ADVANCE)	<ul style="list-style-type: none"> Implement most (50%) action to be taken identify in the ergonomic checklist Reporting/notification of occupational diseases cases related to ergonomic. 	<ul style="list-style-type: none"> Implement most (50%) action to be taken in the CHRA/SIRAC report Good record system Good ventilation system Reporting/notification of occupational diseases cases related to chemicals 	<ul style="list-style-type: none"> Implement 50% of actions to be taken in the Noise assessment report Baseline audiometric test Reporting/notification of occupational diseases cases related to noise.
3 (INTER- MEDIATE)	<ul style="list-style-type: none"> Conduct risk assessment Conduct training Establish SOP in Ergonomics Conduct Ergonomic Checklist Warning signs Provide PPE 	<ul style="list-style-type: none"> Conduct CHRA/SIRAC Conduct information, instruction and training Implementation PPE programme Warning signs 	<ul style="list-style-type: none"> Conduct noise assessment Provide PPE & control Identify hearing protection zone Warning signs Provide information Record keeping Provide training & supervision
2 (BASIC)	<ul style="list-style-type: none"> PIC attended SOHELP program PIC conduct internal training on SOHELP PIC prepare Action Plan 	<ul style="list-style-type: none"> PIC attended SOHELP program PIC conduct internal training on SOHELP Prepare chemical register Label of CHH & SDS Availability and maintenance of welfare facility PIC prepare Action Plan 	<ul style="list-style-type: none"> PIC attended SOHELP program PIC conduct internal training on SOHELP PIC prepare Action Plan
1 (ENTRY)	<ul style="list-style-type: none"> Commitment from management to implement program Appointment of person-in-charge (PIC) to implement program 		

Rajah 1: Kriteria SOHELP untuk setiap aras

Metodologi pelaksanaan SOHELP adalah seperti di Rajah 2:



Rajah 2: Metodologi pelaksanaan SOHELP

Program ini dijangkakan akan mendapat sambutan yang baik dikalangan pengamal KKP kerana selain daripada proses pelaksanaan yang mudah dan sistematik, pengamal KKP yang menyertai program ini akan dianugerahkan mata pembelajaran berterusan (CEP). Mempunyai bilangan CEP yang mencukupi merupakan salah satu kriteria untuk pengamal KKP yang berdaftar dengan JKKP untuk memperbaharui sijil kompetensi mereka.

Mata CEP yang diberikan kepada pengamal KKP berdasarkan aras pencapaian SOHELP tempat kerja mengikut komponen adalah seperti jadual berikut:

Komponen SOHELP	Aras SOHELP		
	L3	L4	L5
Kimia	5	8	10
Ergonomik	5	8	10
Bunyi Bising	5	8	10
TOTAL	15	24	30

Jadual 2: Kriteria pemberian mata CEP berdasarkan aras SOHELP

5.0 KUMPULAN SASARAN

5.1 Pegawai Keselamatan dan Kesihatan (SHO)

5.2 Pengapit dalaman penaksiran risiko bahan kimia (pengapit yang bekerja di syarikat tersebut, bukan pengapit yang diupah).